

23 JUL 2004

ALI CADANGKAN PENGGUNAAN DINAR EMAS ANTARA MELAKA DAN INDONESIA

MELAKA, 23 Julai (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali

Rustam hari ini mencadangkan penggunaan dinar emas untuk menggantikan

tukaran mata wang bagi perdagangan antara Melaka dan Indonesia.

Beliau berkata antara bidang perniagaan yang boleh menggunakan dinar

emas termasuklah pembelian tiket kapal terbang dan juga kos pelancongan

yang dikendalikan oleh anak syarikat kerajaan negeri.

"Ini kerana penggunaan dinar emas adalah stabil sebagai sistem mata

wang yang mantap kerana tidak dipengaruhi inflasi serta dapat mengurangkan

spekulasi pertukaran mata wang asing," katanya kepada pemberita di sini

selepas melancarkan Yayasan Melaka sebagai wakala (agen) dinar emas.

Katanya idea penggunaan dinar emas hasil cetusan bekas Perdana Menteri

Tun Dr Mahathir Mohamad adalah sebagai usaha memberi lebih pilihan terutama

di kalangan negara Islam dalam penggunaan mata wang antarabangsa.

Menurut Mohd Ali kerajaan negeri akan membenarkan penggunaan dinar emas

untuk membayar zakat dan sebagai hantaran mas kahwin kepada orang ramai

selain sebagai simpanan.

Beliau berkata penggunaan dinar emas di Melaka boleh berkembang dengan

cepat sekiranya agensi kerajaan negeri juga boleh menerimanya.

Mohd Ali yang juga Pengerusi Yayasan Melaka berkata yayasan itu mensasarkan pembelian sebanyak RM2.7 juta bagi tahun pertama.

-- BERNAMA

NO JUR BK